

BAB DUA

PENGGOLONGAN KATA KERJA

2.0 Pendahuluan

Menurut ahli bahasa, kata kerja ditakrifkan sebagai sesuatu kata yang merujuk kepada peristiwa. Manakala penahu pula mendefinisikan kata kerja sebagai perkataan yang dapat menggambarkan sesuatu perbuatan yang berlaku pada waktu tersebut. Kata kerja ini mempunyai hubungan yang tidak dapat dipisahkan dengan konsep kala iaitu kala lampau (maadi), kala kini (haal) dan kala depan (mustaqbal) (Ahmad al-Haashimiyy 1354H:17).

Dengan erti kata yang lain, kata kerja ialah perkataan yang menggambarkan sesuatu makna pada perkataan itu sendiri. Kata kerja juga mempunyai unsur masa. Selain itu kata kerja ini turut merujuk kepada sesuatu makna bebas dan mempunyai unsur masa. Secara tuntasnya, kata kerja ialah “suatu perkataan yang menunjukkan sesuatu perbuatan yang disertai dengan masa tertentu”(Glosari Bahasa dan Kesusastraan Arab 1996:133).

2.1 Ciri-ciri Kata Kerja

Kata kerja boleh dikenalpasti dan dibezakan daripada golongan kata nama dan partikel melalui ciri-ciri berikut:

- i. boleh menerima partikel siin (س) atau saufa (سُوفَ) dan agen jazm (عَامِلُ الْجَزْمِ) (Ibn Kamaal Baashaa 1980:76)

- ii. boleh menerima imbuhan ganti nama zahir di akhirnya yang berfungsi sebagai pelaku.
- iii. Boleh menerima nuun taukid (penegas) (Ibn ‘Aqil 1988: jil.1/22-23)
- iv. Boleh dimbuluhkan dengan huruf-huruf muðaara‘at di awalnya.
- v. Boleh menerima qad (قد)
- vi. Boleh diimbuhkan dengan taa’ ta’niith (تاءُ التَّأْنِيْث) yang berbaris mati (سُكُون) yang berbaris mati di akhirnya.
- vii. Boleh diimbuhkan dengan yaa’ mukhaatabat (يَاءُ الْمَخَاطَبَةِ) di akhirnya (Muhammad ‘Iid 1990: jil.1/19-20)

2.2 Penggolongan Kata kerja

Kata kerja dapat dikategorikan kepada beberapa kategori mengikut aspek-aspek berikut (Fu’aad Ni’mat t.t,cet.ke-8:62):

2.2.1 Dari Aspek Masa

Dari aspek ini, kata kerja terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu:

2.2.1.1 Kata Kerja Kala Lampau (الْفِعْلُ الْمَاضِي)

Kata kerja ini menunjukkan perbuatan yang berlaku sebelum masa bercakap.

Contohnya: كَتَبَتِ الْمُعَلِّمَةُ الدُّرْنُسُ (Ahmad telah pergi ke kantin)

(Guru (perempuan) itu telah menulis pelajaran)

2.2.1.1.1 Ciri-ciri Khusus Bagi Kata Kerja Kala Lampau

Bagi kata kerja ini terdapat dua tanda khusus bagi mengenalinya, iaitu: (Ahmad al-Haashimiyy 1354H:18)

- i. Huruf taa' pelaku (تاء الفاعل) seperti كتَبْتُ الرِّسَالَةَ (aku telah menulis

Surat itu)

- ii. Huruf taa' ta'niith berbaris mati asli (تاء الثَّانِيَثُ السَّاِكِنَةُ أَصَالَةً) seperti :

لَأَلَّا تَفَاطِمَةً جَائِزَةً (Fatimah telah mendapat hadiah)

2.2.1.2 Kata Kerja Kala Kini Atau Kala Depan (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ)

Kata kerja ini menunjukkan perbuatan yang berlaku semasa atau selepas masa bercakap.

Contohnya: مُحَمَّدٌ يَقْرَأُ الْجَرِيدَةَ (Muhammad sedang membaca akhbar tersebut)

2.2.1.2.1 Ciri-ciri Khusus Bagi Kata Kerja Kala Kini Atau Depan

Tanda-tanda khusus bagi kata kerja ini ialah (Ahmad al-Haashimiyy 1354H:18):

- i. boleh menerima agen jazm (عامل الجزم) sepetimana firman Allah S.W.T

﴿لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُوْلَدْ﴾ (Surah al-Ikhlaas:3) (Dia yang (Allah) tidak beranak dan tidak pula diperanakkan).

- ii. boleh menerima partikel سٰ atau partikel سَوفٰ seperti firman Allah

S.W.T: ﴿كَلَّا سَيَعْلَمُونَ﴾ (Surah al-Naba':4) (*Jangan! (Janganlah mereka bersikap demikian!) Mereka akan mengetahui* (dengan yakin tentang kebenaran hari balasan itu)

dan ﴿كَلَّا سَوْفَ تَعْلَمُونَ﴾ (Surah al-Takaathur:3) (*Jangan sekali-kali (bersikap demikian)! Kamu akan mengetahui* (kelak akibatnya yang buruk semasa hendak mati)!

iii. boleh menerima partikel *naṣab* (النَّوَاصِب) seperti partikel *لَنْ* contohnya seperti firman Allah S.W.T ﴿فِإِنْ لَمْ تَفْعَلُوا وَلَنْ تَفْعَلُوا فَأَئْتُهُمُ النَّارَ الَّتِي وَقُودُهَا النَّاسُ﴾ (Surah al-Baqarah:24) (*Maka kalau kamu tidak dapat membuatnya, dan sudah tentu kamu tidak akan dapat membuatnya. Maka peliharalah diri kamu dari api neraka yang bahan bakarannya: manusia dan batu-batu (berhala), (iaitu neraka) yang disediakan untuk orang-orang kafir*)

2.2.1.2.2 Ciri-ciri Lain Bagi Kata Kerja Kala Kini (المُضَارِعُ لِلْحَالِ)

Kata kerja ini boleh menerima partikel-partikel berikut: (Ahmad al-Haashimiyy 1354H:19)

i. *Maa Naafiyah* (مَا النَّافِيَةِ) seperti firman Allah S.W.T:

﴿وَمَا تَذَرِي نَفْسٌ بِأَيِّ أَرْضٍ تَمُوتُ﴾ (Surah Luqmaan:34) (...*dan tiada seorang pun yang dapat mengetahui di bumi negeri manakah dia akan mati..*)

ii. *In Naafiyah* (إِنِ النَّافِيَةِ) seperti firman Allah S.W.T iaitu:

﴿إِنْ أَرِيدُ إِلَّا الْإِصْلَاحَ مَا اسْتَطَعْتُ﴾ (Surah Huud:88) (...tidaklah aku mahu melainkan

untuk memperbaiki sedaya upaya aku..)

iii. **Laisa Naafiyat** seperti (لَيْسَ النَّافِيَةَ) (dan tidaklah

aku berkata melainkan yang benar)

iv. **Laam ibtidaa'** seperti firman Allah S.W.T iaitu:

﴿قَالَ إِلَيْهِ لَيَخْزُنُنِي أَنْ تَذَهَّبُوا بِهِ﴾ (Surah Yuusuf:13) (Bapa mereka menjawab: Pemergian

kamu membawanya bersama sangatlah mendukacitakan daku...)

v. **Al-Aan** seperti (أَسَافِرُ الْآنَ إِلَىَ الْمَدِينَةِ) (sekarang aku bermusafir ke

bandar)

(الْفُضَارُعُ لِلْمُسْتَقْبَلِ)

Kata kerja ini boleh dikenal pasti apabila terdapatnya partikel-partikel berikut: (Ahmad al-Haashimiyy 1354H:19)

i. Siin (س) sepetimana firman Allah S.W.T

﴿وَسَيَغْلِمُ الَّذِينَ ظَلَمُوا أَيْ مُنْقَلَبٍ يَنْقَلِبُونَ﴾ (Surah al-Shu'araa' ayat 227) (... dan

(ingatlah), orang-orang yang melakukan sebarang kezaliman, akan mengetahui kelak, ke tempat mana, mereka akan kembali)

ii. **Saufa** (سَوْفَ) seperti firman Allah S.W.T iaitu :

﴿ إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بِآيَاتِنَا سَوْفَ نُصْلِيهِمْ إِلَى رَأْيٍ ﴾ (Surah al-Nisaa':56) (“Sesungguhnya

orang-orang yang kufur ingkar kepada ayat-ayat (keterangan) Kami, Kami akan membakar mereka dalam api neraka...)

iii. Partikel nasab (الْتَّوَاصِب) sepetimana firman Allah iaitu ﴿ إِنَّهُ ظَنٌّ أَنْ لَنْ يَخْرُجُ ﴾

(Surah al-Inshiqaq:14) (Sesungguhnya dia menyangka bahawa dia tidak sekali-kali akan kembali (kepada Kami untuk menerima balasan)!)

iv. Partikel jazam (الْجَوَازُمْ) (tidak temasuk مَا عَدَ) (kecuali لَمْ) (tidak لَمْ) (belum))

sepetimana firman Allah ﴿ وَإِنْ يَكُنْ مَيْتَةً فَهُمْ فِيهِ شَرِكَاءُ ﴾ (Surah al-

An'aam:139) (...dan jika ia (dilahirkan) mati, maka mereka (lelaki perempuan) bersekutu padanya bersama-sama memakannya...)

v. 2 Nuun Taukiid (penegas) seperti dalam firman Allah S.W.T iaitu:

﴿ وَلَئِنْ لَمْ يَفْعُلْ مَا أَمْرُهُ لَيُسْجِنَنُ وَلَيُكُوَّلَ مِنَ الصَّاْغِرِينَ ﴾ (Surah Yuusuf:32) (... dan

demi sesungguhnya kalau dia tidak mahu melakukan apa yang aku suruh, tentulah dia akan dipenjarakan dan akan menjadi dari kalangan orang-orang yang hina”

vi. Adaat Tarjiiy (pengharapan) seperti firman Allah S.W.T :

﴿ وَقَالَ فِرْعَوْنُ يَا هَامَانُ ابْنِ لَبِي صَرْحًا لَعَلَّي أَنْلَعُ الْأَسْبَابَ ﴾ (Surah Ghaafir:36) (Dan Firaun

pun berkata: Hai Haman! Binalah untukku sebuah bangunan yang tinggi, semoga aku sampai ke pelosok-pelosok langit)

vii. Ayat yang mengandungi makna doa seperti ungkapan يَرْحَمُكَ اللَّهُ (mudah mudahan Allah merahmati kamu)

Kata kerja kala kini bertukar menjadi kata kerja kala lampau apabila didahului oleh partikel-partikel berikut : (Ahmad al-Haashimiyy 1354H:19)

- i. didahului oleh laam jaazimah seperti: لَمْ يَقُمْ بِالْوَاجِبِ (Dia tidak pernah menunaikan kewajipan)
- ii. didahului oleh lammaa jaazimah seperti : لَمَّا يُثْمِرُ الْبَسْتَانُ (Kebun itu belum berbuah)
- iii. didahului oleh رَبَّما seperti contoh: رَبَّما تَكْرَهُ مَا فِيهِ الْخَيْرُ لَكَ (Barangkali apa yang awak benci itu mempunyai kebaikan bagi awak).

2.2.1.3 Kata Kerja Imperatif

Kata kerja ini adalah kata kerja yang meminta sesuatu perbuatan dilakukan selepas ujaran, iaitu masa hadapan seperti: اسْمَعْ (dengarlah) كُتِبْ (tulislah)

2.2.1.3.1 Ciri-ciri Khusus Bagi Kata Kerja Imperatif

- i. Menerima huruf yaa' mukhaatibah (يَأَءُ الْمُخَاطَبَةَ) yang menunjukkan permintaan bagi feminin seperti: احْفَظْ (jagalah)
- ii. Menerima huruf nuun penegas (نُونُ التُّوكِيدِ) yang menunjukkan permintaan seperti: اجْتَهَدْ (bersungguh-sungguhlah)(Ahmad al-Haashimiyy 1354H:20).

2.2.1.3.2 Cara Mengubah Kata Kerja Kala Lampau Kepada Kata Kerja Kala Kini Dan Kata Kerja Imperatif

Bagi kata kerja kala kini, ia berubah dengan menambahkan salah satu dari huruf-huruf muðaara'ah (المضارعات). Huruf-huruf tersebut, iaitu hamzah, nuun, yaa' dan taa' yang

dirangkumkan menjadi (أَتَيْنَ) atau (أَتَيْتُ). Huruf-huruf tersebut ditambah dan

berbaris seperti berikut: (Ahmad al-Haashimiy 1354H:21-22)

- i. Dammah (baris depan) bagi kata kerja yang mengandungi empat huruf seperti:

يُخْسِنُ → أَخْسَنَ (memperelokkan)

- ii. Fathah (baris atas) bagi kata kerja yang mengandungi tiga, lima dan enam huruf seperti :

Bil. huruf	Kala lampau	Kala kini/depan	Kata kerja Imperatif
3	فَهَمَ (faham)	يَفْهَمُ	افْهَمْ
5	الْطَّلَقُ (bertolak)	يَنْطَلِقُ	الْطَّلِيقُ
6	اسْتَغْفِرُ (minta pengampunan)	يَسْتَغْفِرُ	اسْتَغْفِرْ

2.2.2 Dari Aspek Keperluannya Kepada Objek (المفعول به)

Dari aspek ini, kata kerja terbahagi kepada dua bahagian, iaitu:

2.2.2.1 Kata Kerja Tak Transitif (الفعل اللازم)

Kata kerja ini tidak memerlukan objek. Maksudnya ia memada dengan pelakunya sahaja seperti (ركض المتسابقون في المسابقة) peserta-peserta itu berlari dalam

pertandingan). Ia diselangi oleh partikel jarr sebelum “objek”. “Objek” di sini sudah bertukar kepada kata nama yang genitif (majruur) dan bukan lagi objek yang sebenarnya. Ini adalah kerana pada kebiasaananya, ayat yang bermula dengan kata kerja dari segi susunannya adalah seperti berikut:

Objek	Pelaku	Kata kerja
الْتَّفَاحُ	مُحَمَّدٌ	أَكَلَ
<i>Epal</i>	<i>Muhammad</i>	<i>makan</i>

Kata kerja ----- pelaku ----- objek.

Kata kerja tak transitif ini berbeza dari kata kerja di atas kerana diselangi oleh partikel jarr sebelum sampai kepada objek.

Objek (kata nama genitif)	Partikel jarr	Pelaku	Kata kerja
الْمُسَابِقَةُ	فِي	رَكْضُ الْمُسَابِقُونَ	
<i>Pertandingan</i>	<i>Dalam</i>	<i>Peserta-</i> <i>peserta</i>	<i>Berlari</i>

Kata kerja ----- pelaku ----- (partikel jarr) ----- objek (kata nama genitif).

2.2.2.1.1 Jenis-jenis Kata Kerja Tak Transitif

Kata kerja tak transitif ini terbahagi pula kepada tiga jenis, iaitu:

- i. Tidak memerlukan partikel jarr. Contohnya: ماتَ الْوَلَدُ (*Budak itu telah meninggal dunia*).
- ii. Memerlukan partikel jarr. Contohnya: خَرَجَ الْوَلَدُ مِنَ الْبَيْتِ (*Budak itu telah keluar dari rumah*)

iii. Boleh dimasukkan partikel jarr dan boleh juga ditiadakannya. Contohnya: وَصَلَ الْوَلَدُ إِلَى الْبَيْتِ (Budak itu telah sampai ke rumah) atau ayat

وَصَلَ الْوَلَدُ إِلَى الْبَيْتِ (Budak itu telah sampai (ke) rumah), tanpa partikel jarr (إِلَى).

2.2.2.2 Kata Kerja Transitif (الفعل المُتَعَدِّي)

Kata kerja ini memerlukan satu objek atau lebih. Ia terbahagi kepada dua bahagian, iaitu:

i. Tanpa diselangi oleh partikel jarr. Ia bermaksud, perlakuan tersebut berlaku secara langsung (terus) kepada objek seperti contoh di bawah:

حَارَبَ أَبُو بَكْرُ الْمُرْتَدِينَ (Abu Bakar telah memerangi golongan murtad). di sini المُرْتَدِينَ

adalah objek yang tidak diselangi oleh apa-apa perkataan.

ii. Diselangi partikel jarr. Dalam hal ini, objek telah didahului oleh partikel jarr dan objek ini tidak kelihatan secara nyata dalam keadaannya yang mansuub (akusatif) seperti dalam contoh di bawah:

أَتَيْتُ بِالْكِتَابِ (Aku telah membawa buku). الكتاب adalah objek dari segi

makna kerana perlakuan membawa itu berlaku ke atas buku tersebut. Contoh lain ialah:

ذَهَبْتُ بِالْوَرَقِ إِلَى الْمَطْبَعَةِ (Aku telah membawa kertas ke tempat percetakan)

مَرَرْتُ بِعَلِيٍّ (Aku telah berjalan dengan Ali).

Partikel jarr baa' ini mempunyai fungsi-fungsinya yang tersendiri iaitu (Fu'aad Ni'mat cet ke-8:96)

- a) Keterangan tempat (الظَّرْفِيَّةُ الْمَكَانِيَّةُ) contohnya: *(اجتَمَعْنَا بِالْمَنْزِلِ) kami berkumpul di rumah.*
- b) Penggunaan (الاسْتِعَائَةُ) contohnya: *(كَتَبْتُ بِالْقَلْمَنِ) saya menulis menggunakan pen*
- c) Gantian (التَّغْوِيْضُ) contohnya: *(اشْتَرَيْتُ بِمِائَةِ جُنَاحٍ) saya membeli dengan harga seratus pound*
- d) Berdampingan (الاِلِصَاقُ الْقُرْبُ) contohnya: *(مَرَرْتُ بِمُحَمَّدٍ) Saya berjalan dengan Muhammad*
- e) Sumpah (القَسْمُ) contohnya: *(بِاللَّهِ لَنْ تُفْرِطَ فِي حُقُوقِنَا) Demi Allah, kami tidak akan melampui hak-hak kami*

2.2.2.2.1 Pembahagian Kata Kerja Transitif Dari Segi Bilangan Objek

Kata kerja transitif terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu (Mahmuud Husnii 1991: 269-272)

a) Memerlukan Satu Objek.

Kata kerja ini hanya memerlukan satu objek sahaja seperti contoh:

أَغْلَقْتُ الْفُرْنَةَ (*Aku telah menutup bilik*). الفُرْنَةَ adalah objek.

b) Memerlukan Dua Objek.

Kata kerja transitif ini terbahagi pula kepada dua bahagian iaitu:

- i. Mengambil dua objek yang bukan berasal dari subjek dan prediket. Ia memerlukan dua objek seperti dalam contoh: أَعْطَيْتُ الْمَرِيضَ دَوَاءً. (*Aku telah memberikan pesakit ubat*). المَرِيضَ adalah objek pertama dan دَوَاءً adalah objek kedua.
Ia tidak boleh memadai dengan satu objek sahaja seperti أَعْطَيْتُ الْمَرِيضَ (*aku telah memberikan pesakit*) kerana ayat tersebut tidak difahami maksudnya. Kata kerja yang memerlukan dua objek ini adalah terdiri dari kata kerja serumpun أَعْطَى (*memberi*)
seperti كَسَّا (membalur), وَهَبَ (memakaikan), سَأَلَ (menghadiahkan), مَنَحَ (menganugerahkan), أَخْوَاتٌ (أَخْوَاتٌ) (naasikhah).

- ii. Mengambil dua objek yang berasal dari subjek dan predikat. Ia memerlukan kedua-dua objek tersebut. Ini bererti, kata kerja tersebut adalah dari kata kerja naasikhah (الناصيحة). Kata kerja naasikhah ini terbahagi pula kepada dua bahagian, iaitu:
ii.i Kata Kerja Quluub (أفعال القلوب).

Ia dinamakan sedemikian kerana ada kaitannya dengan hati, iaitu perasaan, seperti perasaan yakin (اليقين), ragu-ragu (الشك) dan ingkar (الإنكار). Kata kerja ini

menasabkan dua objek yang berasal daripada subjek dan predikat. Ia terbahagi pula kepada dua bahagian, iaitu:

ii.i.i Kata Kerja Yakin (أفعال اليقين)

Kata kerja ini bermaksud keyakinan berlakunya sesuatu perbuatan seperti:

أَعْلَمُكَ مُنَاصِلاً (*Aku tahu awak adalah seorang pejuang*). Ganti nama awak (الكاف) adalah objek pertama manakala مُنَاصِلاً adalah objek kedua dalam ayat tersebut. Asal ayat tersebut sebelum perkataan علم (*tahu*) dimasukkan berbunyi أَنْتَ مُنَاصِلٌ (*kamu seorang pejuang*). Jadi, kita tidak boleh mengatakan أَعْلَمُكَ (*aku tahu kamu*) sahaja kerana ia tidak membawa maksud yang dikehendaki seperti dalam contoh asal.

ii.i.ii Kata Kerja Rujhaan (أفعال الرُّجْحَان)

Maksud kata kerja ini ialah, kata kerja yang menunjukkan kepada sesuatu makna di mana perasaan yakin padanya adalah lebih kuat dari perasaan ragu-ragu. Atau dalam kata lain, ia menunjukkan kepada kebarangkalian besar berlakunya perlakuan tersebut.

Kata kerja ini dikenali dengan penggunaan kata kerja ظنُّ (*menyangka*) dan kumpulannya ظنُّ و آخْرَاهَا ().

Contohnya: ظنْتُ الْدِرَاسَةَ سَهْلَةً (Aku menyangka (bahawa) pengajian itu senang). Maksudnya, perasaan yang menyangka bahawa pelajaran tersebut adalah senang itu melebihi perasaan yang menyangkakan bahawa pelajaran tersebut susah kerana menggunakan perkataan ظنْ.

Asal kepada ayat tersebut ialah الْدِرَاسَةُ سَهْلَةٌ (Pengajian itu senang). Jadi adalah tidak mungkin kita menyatakan dengan menyebut salah satu sahaja objek di sini kerana ia tidak membawa maksud yang dikehendaki seperti: ظنْتُ الْدِرَاسَةَ هَبْ حَجَا عَدْ خَالَ حَسِيبَ زَعْمَمْ (Aku menyangka pengajian...) Ayat di sini tergantung, tidak mengandungi makna yang lengkap dan tidak difahami. Partikel lain dari kumpulan ظنْ ialah هَبْ حَجَا عَدْ خَالَ حَسِيبَ زَعْمَمْ yang membawa makna menyangka atau mengandai.

ii.ii Kata Kerja Pengubahan (أفعال التحويل)

Maksudnya ialah kata kerja yang mengubahkan daripada satu keadaan kepada keadaan yang lain seperti:

صَيَّرْتُ الصَّدِيقَ أخَا (Aku telah menjadikan/ mengubahkan kawan menjadi saudara)

Asal kepada ayat tersebut ialah:

الصَّدِيقُ أخٌ (Kawan itu adalah saudara). Kedua-duanya (kata kerja pengubahan, subjek

dan predikat) mesti disebutkan di dalam ayat, jika tidak disebut salah satunya, maka ia tidak mengandungi makna yang dikehendaki seperti:

صَيْرَتُ الصَّدِيقَ (Aku telah mengubahkan kawan...)

Selain dari kata kerja صَيْرَتْ ini terdapat kata kerja lain yang memerlukan kepada dua

objek seperti جَعَلَ (menjadikan), اَتَخْذَلَ (mengambil), تَرَكَ (meninggalkan), حَوَلَ (menukarkan) dan رَدَ (memulangkan)

c) Memerlukan Tiga Objek

Kata kerja ini merangkumi أَغْلَمْ (memaklumkan), أَرَى (memperlihatkan) وَأَبَأْ (memberitahu)

حَدَّثَ (memberitahu) أَخْبَرَ (memberitahu) وَأَنْبَأَ (memberitahu) خَبَرَ (menghabarkan)

(menceritakan). Bagi kata kerja أَغْلَمْ dan أَرَى , ia adalah penambahan huruf hamzah

bagi kata kerja عَلِمْ (tahu) dan رَأَى (melihat) Objek pertama dan kedua adalah subjek

dan predikat pada asalnya. Contoh:

أَغْلَمْتُكَ الْخَبَرَ صَادِقًا (Aku memberitahu awak (bahawa) berita itu benar). Ganti nama

الكاف صادق الْخَبَرَ adalah objek pertama , الْخَبَرَ adalah objek kedua dan صادق adalah objek

ketiga. Asalnya ialah:

الْخَبَرَ صَادِقٌ (Khabar itu benar)

الْخَبَرَ adalah subjek dan صادق adalah predikat (Mahmuud Husnii 1991:272-273).

2.2.3 Dari Aspek Wujud Atau Tidaknya Pelaku (الفاعل).

Pelaku ialah kata nama marfuū' (nominatif) yang sebelumnya adalah kata kerja taam atau yang seumpamanya ('Abbaas Hasan: jil.2/63). Ia terbahagi kepada dua bahagian, iaitu kata kerja aktif dan kata kerja pasif (Fu'aad Ni'mat: 81-82):

2.2.3.1 Kata Kerja Aktif (الفعل المبني للمعلوم)

Kata kerja ini disertai pelakunya (الفاعل) dalam ayat. Contohnya يكتب محمد الدرس (Ahmad sedang menulis pelajaran)

Objek (المفعول به)	Pelaku (الفاعل)	Kata Kerja Aktif (الفعل المعلوم)
الدرس	محمد	يكتب

2.2.3.1.1 Bentuk-bentuk Pelaku

Pelaku boleh didatangkan di dalam ayat dengan bentuk-bentuk yang tertentu. Bentuk-bentuk tersebut adalah seperti berikut:(Mahmuud Husnii 1991:135-136)

- Kata nama jelas seperti: عاد المقاتل (Pejuang telah pulang)

Pelaku	Kata kerja aktif
المقاتل	عاد

Pelaku di sini adalah tergolong dalam kata nama yang zahir.

- Kata ganti nama zahir (ضمير مستتر) atau tersembunyi (ضمير بارز)

Contoh ganti nama zahir: **ذَهَبْتُ إِلَى الْمَيْدَانِ** (*Aku telah pergi ke medan*)

Kata nama majruur (genitif)	Partikel jarr	Kata kerja kala lampau dan ganti nama nyata yang bersambung (pelaku)
المَيْدَانِ	إِلَى	ذَهَبْتُ

Contoh ganti nama tersembunyi : **الْمُقَاتِلُ ذَهَبَ إِلَى الْمَيْدَانِ** (*Pejuang itu telah pergi ke medan*).

Predikat			Subjek
kata nama majruur (genetif)	Partikel jarr	Kata kerja kala lampau dan ganti nama tersembunyi (pelaku)	kata nama
المَيْدَانِ	إِلَى	ذَهَبَ	الْمُقَاتِلُ

iii. Maṣdar mu'awwal seperti: **يَخْسِنُ أَنْ تَجْتَهِدَ** (*Məscidər Məzəwl*) (*Kesungguhan awak itu bagus*)

Kata kerja (akusatif)	Partikel an	kata kerja (nominatif)
تَجْتَهِيدٌ	أَنْ	يَخْسِنُ

Gandingan partikel an (ان) dan perkataan تَجْتَهِدَ adalah ditafsirkan sebagai اِجْتِهَادُكَ (kesungguhan kamu). Jadi ayat tersebut sama maksudnya dengan يَخْسُنُ اِجْتِهَادُكَ (kesungguhan kamu itu bagus)

2.2.3.1.2 Hukum-hukum Yang Berkaitan Dengan Pelaku

Terdapat tujuh hukum yang berkaitan dengan pelaku seperti berikut (Mustafaa Ghalaayiniyy 1992; jil.2/234-240):

- i. Mesti berada dalam keadaan nominatif (marfuu'). Contoh: كَتَبَ مُحَمَّدٌ رِسَالَةً (Muhammad menulis surat)

Objek	Pelaku (nominatif)	Kata kerja kala lampau
رِسَالَةً	مُحَمَّدٌ	كَتَبَ

Kedapatan juga pelaku yang berada dalam keadaan kasus genitif (majruur) dari segi sebutannya tetapi masih lagi nominatif dari segi hukumnya. Contohnya:

إِكْرَامُ الْمَرْءَ أَبَاهُ فَرَضَ عَلَيْهِ (Memuliakan bapa adalah kewajipan seseorang)

إِكْرَامُ الْمَرْءَ أَبَاهُ فَرَضَ عَلَيْهِ

mudaaf ilaih

(genitif)

Mudaaf ilaih di sini adalah genitif dari segi sebutannya kerana ia diidaafatkan, tetapi dalam masa yang sama ia adalah pelaku kepada perbuatan إِكْرَامُ (memuliakan). Jadi ia

dianggap sebagai nominatif dari segi hukumnya kerana hukum bagi pelaku adalah nominatif.

- ii. Mesti berada selepas musnad (المسند). Musnad (predikat) yang dimaksudkan di sini ialah kata kerja. Contoh: ذَهَبَ مُحَمَّدٌ إِلَى الْمَسْجِدِ (Muhammad telah pergi ke masjid).

Pelaku	Kata kerja		
الْمَسْجِدِ	إِلَى	مُحَمَّدٌ	ذَهَبَ

Sekiranya pelaku berada sebelum kata kerja, maka pelaku tersebut akan bertukar menjadi subjek dan kata kerja tersebut menjadi predikat di mana terdapat padanya pelaku dalam bentuk gantinama yang kembali kepada subjek tersebut.

- iii. Pelaku mesti disebut di dalam percakapan seperti dalam contoh sebelum ini.
- iv. Kata kerja yang dibuang dari ayat mestilah mempunyai petunjuk kepada perlakuan pelaku tersebut. Contohnya dalam ayat pertanyaan di bawah:

مَنْ سَافَرَ؟ أَخْمَدٌ. (Siapa bermusafir? Ahmad.)

Dalam jawapan kepada pertanyaan tersebut, kata kerja telah dibuang, cuma dikekalkan pelakunya sahaja. Namun begitu, pendengar memahami siapakah yang bermusafir berdasarkan konteks ayat yang menunjukkan bahawa Ahmadlah yang bermusafir.

- v. Kata kerja mesti kekal dalam keadaan pola yang tunggal sekalipun pelaku tersebut lebih daripada satu. Contohnya:

اجْتَهَدَ التَّلَمِيذُ (Pelajar bersungguh-sungguh)

اجْتَهَدَ التَّلَمِيذَانِ (Dua orang pelajar bersungguh-sungguh)

اجتهدَ التَّلَامِيْذُ (Pelajar-pelajar bersungguh-sungguh)

Dari contoh di atas, kata kerja tetap kekal dalam polanya yang tunggal walaupun pelakunya berubah kepada dua atau lebih dari itu. Namun begitu kedapatan sesetengah bangsa Arab yang tidak terkenal bahasanya, menjadikan pola kata kerja mengikut bilangan pelakunya seperti di dalam contoh di bawah:

أكْرَمَانِيْ صَاحِبَكَ (Dua orang kawan kamu memuliakan aku)

أكْرَمُونِيْ أَصْحَابَكَ (Kawan-kawan kamu memuliakan aku)

- vi. Mengikut asalnya, pelaku berada selepas kata kerja seterusnya objek. Seperti contoh: أكْرَمَ الْجَتَهِيدُ أَسْتَاذَهُ (Pelajar yang rajin memuliakan gurunya)

Objek (akusatif)	Pelaku (nominatif)	Kata kerja
أَسْتَاذَهُ	الْجَتَهِيدُ	أكْرَمَ

Tetapi, kadang kalanya objek boleh mendahului pelaku. Ia dapat dikenal melalui baris akhir perkataan tersebut seperti contoh: أكْرَمَ أَسْتَاذَهُ الْجَتَهِيدُ (Pelajar yang rajin memuliakan gurunya)

Pelaku (nominatif)	Objek (akusatif)	Kata kerja
الْجَتَهِيدُ	أَسْتَاذَهُ	أكْرَمَ

- vii. Kata kerja menurut gender pelaku dari segi maskulin (مُذَكُّر) ataupun

Feminin (مؤنث). Sekiranya pelaku itu feminin, maka kata kerja kala lampau perlu ditambahkan huruf taa' berbaris mati diujungnya seperti ذَهَبَتْ فَاطِمَةٌ (Fatimah telah pergi) sementara bagi kata kerja kala kini/depan pula, ditambahkan huruf taa' muðaara'ah (ئَاءُ الْمُضَارَّةَ) di pangkalnya seperti تَذَهَّبُ فَاطِمَةٌ (Fatimah sedang/akan pergi)

2.2.3.2 Kata Kerja Pasif (الفعل المبني على المجهول)

Ia adalah kata kerja yang tidak disebutkan pelakunya di dalam sesuatu ayat. Objek kepada ayat tersebut akan mengambil tempat pelaku dan ia dinamakan sebagai pelaku gantian (كايل الفاعل). Pelaku gantian ialah kata nama marfuu' yang terletak selepas kata kerja pasif atau seumpamanya. Selain daripada itu ia juga dinamakan sebagai objek yang tidak disebutkan pelakunya (مفعولٌ ما لم يُسمَّ فاعلُه) (Mahmuud Husnii 1991:151)

Contohnya:

يُكتَبُ الدُّرْسُ (Pelajaran ditulis)

Pelaku gantian
(nominatif)
الدُّرْسُ

Kata kerja pasif
(nominatif)
يُكتَبُ

Asal kepada ayat tersebut ialah: يُكتَبُ أَخْمَدُ الدُّرْسَ (Ahmad menulis pelajaran)

Objek (akusatif)	Pelaku (nominatif)	Kata kerja aktif(nominatif)
الدُّرْسُ	أَخْمَدَ	يَكْتُبُ

Apabila kata kerja aktif ditukar kepada kata kerja pasif, pelaku akan dibuang dan digantikan dengan pelaku gantian yang pada asalnya adalah objek kepada ayat tersebut.

2.2.3.2.1 Sebab-sebab Pengguguran Pelaku Dalam Ayat

Pelaku boleh digugurkan dari sesuatu ayat dengan beberapa sebab iaitu: (Mahmuud Husnii 1991:152-153)

- i. Pelaku yang sudah diketahui umum dan tidak ada keperluan untuk disebutkan di dalam ayat. Ia digugurkan sebagai kemuliaan bagi pelaku tersebut. Contohnya dalam firman Allah S.W.T iaitu ﴿ وَخَلَقَ الْإِنْسَانَ ضَعِيفًا 』 (Surah al-Nisaa':28) (... *dan manusia itu dijadikan dalam keadaan lemah*). Pelaku yang dimaksudkan di sini adalah Allah S.W.T. Ia sudah tersedia maklum, justeru, tiada keperluan untuk disebutkan di samping ia sebagai satu gaya bahasa untuk memberikan kemuliaan kepada Allah S.W.T.
- ii. Pelakunya yang tidak diketahui dan tidak pula dapat ditentukan. Contoh: كُسرَ الزُّجاجُ (*Kaca itu telah dipecahkan*).
- iii. Untuk menyembunyikan pelaku kerana kesamaran untuk menentukannya.
Contoh: رُكِبَ الْحِصَانُ (*Kuda itu telah ditunggangi*)
- iv. Kerana takutkan pelakunya diketahui oleh pendengar. Contoh: ضُرِبَ فُلانٌ.

Seseorang itu telah dipukul). Jadi penutur tidak menyebutkan siapa yang memukul na takut diketahui pendengar yang menyebabkan tindak balas dari pendengar tersebut.

v. Kerana takutkan pelakunya. Contoh: سُرْقَ الْحِصَانُ (*Kuda itu telah dicuri*).

Penutur tahu siapa yang mencuri kuda itu tetapi menyembunyikannya kerana takutkan tindak balas dari pencuri (pelaku).

vi. Kerana menjaga kemuliaan pelaku. Contoh: عَمِلَ مُنْكَرٌ (*Perkara*

mungkar telah dilakukan). Penutur mengetahui siapakah yang melakukan perkara mungkar tersebut, tetapi sengaja menyembunyikannya kerana menjaga kemuliaan pelaku.

vii. Kerana terlalu umumnya pelaku di mana pelakunya tidak dapat ditentukan.

Ia disebabkan perbuatan itu boleh dilakukan oleh pelaku yang tidak terhad. Contohnya firman Allah ﷺ (وَإِذَا حَيَّتُمْ بِتَحْمِيَةٍ فَحَيُوا بِأَخْسَنِ مِنْهَا أَوْ رُدُّوهَا) (Surah al-Nisaa':86)

(*Dan apabila kamu diberikan penghormatan dengan sesuatu ucapan hormat (seperti memberi salam), maka balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik dari itu atau serupanya*)

Adalah tidak perlu disebutkan siapa pelakunya (orang yang memberikan penghormatan) kerana tujuan ayat tersebut adalah menunjukkan kewajipan membala penghormatan kepada orang yang memberikan penghormatan tersebut.

2.2.3.2.2 Bentuk-bentuk Pelaku Gantian

Pelaku ganti boleh didatangkan di dalam ayat dalam bentuk-bentuk berikut: (Mahmuud Husnii 1991:153-154)

A511140982

- i. Kata nama nominatif jelas (صَرِيْحٌ) Contoh: بَعْدَ الْمَتَاعِ (Barangan itu telah terjual)

Pelaku gantian(kata nama yang zahir)	Kata kerja pasif
---------------------------------------	------------------

المَتَاعُ	بَعْدَ
-----------	--------

- ii. Maṣdar muawwal. Contoh: دُرِيَ أَنَّ الْقِطَارَ قَادِمٌ (Diketahui bahawa keretapi itu akan sampai)

Maṣdar	Kata kerja pasif
--------	------------------

أَنَّ الْقِطَارَ قَادِمٌ	دُرِيَ
--------------------------	--------

Dalam kata lain boleh disebutkan dengan دُرِيَ قُدُومُ الْقِطَارِ

- iii. Ganti nama tersembunyi (ضَمِيرٌ مُسْتَبِرٌ) atau zahir (أَخْبَرَ). Contoh:

أَخْبَرَ أَنَّ الْقِطَارَ قَادِمٌ (Diberitahu bahawa keretapi sampai)

Objek kedua	Kata kerja pasif dan pelaku gantian (ganti nama terselindung)
-------------	---

أَنَّ الْقِطَارَ قَادِمٌ	أَخْبَرَ
--------------------------	----------

Pelaku gantian bagi ayat ini ialah ganti nama terselindung yang terdapat di dalam perkataan أَخْبَرَ, yang pada asalnya adalah objek pertama. Ayat ini bolehlah disebut

dengan أَخْبَرَ (هُوَ) قُدُومُ الْقِطَارِ (Diberitahu (dia) tentang sampainya keretapi)

Manakala bagi ganti nama zahir (ضمير بارز) dapat dilihat dalam contoh berikut:

أَخْبَرْتُ أَنَّ الْقِطَارَ قَادِمٌ (Aku diberitahu bahawa keretapi akan sampai)

Objek kedua	Kata kerja pasif dan pelaku gantian (ganti nama zahir)
أَنَّ الْقِطَارَ قَادِمٌ	أَخْبَرْتُ

Dalam ayat ini, pelaku gantian adalah ganti nama zahir iaitu ت yang pada asalnya adalah objek pertama kepada ayat tersebut.

iv. Dalam bentuk ayat yang tidak berasal dari huruf maṣdari (terbitan). Contoh:

قَيْلَ الْحَيَاةُ فَانِيَةٌ (Dikatakan kehidupan ini adalah sementara)

Subjek dan predikat (pelaku gantian)	Kata kerja pasif
الْحَيَاةُ فَانِيَةٌ	قَيْلَ

Dari contoh di atas, pelaku gantian ialah terdiri daripada subjek dan predikat ayat tersebut. Dalam kata lain, subjek dan predikat telah mengambil tempat pelaku gantian.

v. Didahului dengan partikel jarr tambahan. Contoh:

مَا عُوْقِبَ مِنْ أَحَدٍ (Tidak seorang pun dihukum)

kata nama genitif (pelaku gantian)	Partikel jarr tambahan	kata kerja pasif
أَحَدٍ	مِنْ	مَا عُوْقِبَ

2.2.3.2.3 Subjek Yang Menggantikan Pelaku

Terdapat lima perkara yang boleh menggantikan pelaku, iaitu (Muṣṭafaa Ghalaayiniyy 1992: jil.2/247-248):

- i. Objek. Contoh: يُكْرِمُ الْأَسْتَاذُ الْمُجْتَهِدُ (Guru memuliakan pelajar yang rajin)

Objek	Pelaku	Kata kerja aktif
المُجْتَهِدُ	الْأَسْتَاذُ	يُكْرِمُ

Apabila pelaku digugurkan daripada ayat, kata kerja aktif bertukar kepada kata kerja pasif, maka objek akan mengambil tempat pelaku seperti dalam contoh:

يُكْرِمُ الْمُجْتَهِدُ (Pelajar yang rajin dimuliakan)

Pelaku gantian	Kata kerja pasif
المُجْتَهِدُ	يُكْرِمُ

- ii. Kata nama genitif dengan partikel jarr. Contohnya firman Allah dalam surah al-A'raaf ayat 149, iaitu:

وَلَمَّا سُقِطَ فِي أَنْدِينِهِمْ ﴿١﴾

Terjemahannya: “Dan setelah mereka menyesal akan apa yang mereka lakukan...”

Kata nama genitif (pelaku gantian)	Partikel jarr	Kata kerja pasif
أَنْدِينِهِمْ	فِي	وَلَمَّا سُقِطَ

- iii. Zarf mutasarrif mufiid (الظَّرْفُ الْمُتَصَرِّفُ الْمُفِيدُ). Ia bermaksud kata keterangan

yang digunakan untuk menerangkan tentang sesuatu masa ataupun bukan masa seperti menjadi subjek dan predikat, atau pelaku dan objek . Contoh di sini menerangkan tentang masa, iaitu: صِيَامُ رَمَضَانَ (Bulan Ramadhan dipuasai) (Mahmuud Husnii 1991:156).

Zarf mutasarif mufiid (pelaku gantian) رمضان	Kata kerja pasif صِمَّ
--	---------------------------

iv. Maṣdar mutasarif mufiid (المُصْدَرُ الْمُتَسَارِفُ الْمُفِيدُ). Maksudnya ialah kata nama yang tidak semestinya kekal dalam keadaan kemasdariannya , di mana ia boleh menjadi pelaku, objek, subjek, pelaku gantian, khabar (predikat) atau kata nama kepada kata kerja naasikh. Contoh yang diberikan di bawah menyentuh tentang pelaku gantian. اعْتَدْ اعْتِدَادَ كَامِلْ (Dihitung dengan hitungan yang sempurna) (Mahmuud Husnii 1991:157).

Maṣdar mutasarif mufiid (pelaku gantian) اعْتِدَادَ كَامِلْ	Kata kerja pasif اعْتَدْ
---	-----------------------------

v. Maṣdar muawwal (المُصْدَرُ الْمُؤَوَّلُ). Contoh: يُفَضِّلُ أَنْ تُعَالِجَ الْأَمْوَازُ بِرَوِيَّةٍ (Adalah lebih baik diselesaikan sesuatu perkara dengan berhati-hati) (Mahmuud Husnii 1991:157).

Maṣdar muawwal (pelaku gantian) أَنْ تُعَالِجَ الْأَمْوَازُ بِرَوِيَّةٍ	Kata kerja pasif يُفَضِّل
---	------------------------------

2.2.4 Dari Aspek Imbuhan

Dari aspek ini, kata kerja terbahagi kepada dua bahagian, iaitu kata kerja dasar dan kata kerja berimbuhan :

2.2.4.1 Kata Kerja Dasar (الفِعْلُ الْمُجَرَّدُ)

Iaitu kata kerja di mana huruf-huruf asalnya membentuk kata dasar. Kata kerja ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

2.2.4.1.1 Kata Kerja Tiga Huruf (Thulaathiyy)

Kata kerja tiga huruf ialah kata kerja yang terbentuk daripada tiga huruf. Dalam kategori kata kerja ini, terdapat enam bab (باب) atau bahagian iaitu (Ahmad al-Hamalaawiyy

tt:29-35):

Jadual 1

Bab-bab Kata Kerja Tiga Huruf

Bil	Bab	Contoh
1	يَفْعُلُ - فَعَلٌ	يَقْعُدُ - قَعْدٌ (menolong), يَنْصُرُ - نَصَرٌ (menolong), يَأْخُذُ - أَخْذٌ (mengambil)
2	يَفْعُلُ - فَعَلٌ	يَضْرِبُ - ضَرَبٌ (memukul), يَجْلِسُ - جَلَسٌ (duduk)
3	يَفْعُلُ - فَعَلٌ	يَقْرَا - قَرَا (pergi), يَذْهَبُ - ذَهَبٌ (membaca), يَفْتَحُ - فَتَحٌ (membuka)
4	يَفْعُلُ - فَعَلٌ	يَعْلَمُ - عَلِمٌ (gembira) (tahu)
5	يَفْعُلُ - فَعَلٌ	يَشْرُفُ - شَرْفٌ (baik), يَخْسُنُ - حَسْنٌ (mulia)

6	يَفْعِلُ - فَعِلَّ	يَخْسِبُ - حَسِبَ (<i>mengira</i>)
		Contoh bagi bab ini adalah sedikit bagi kata kerja sahih berbanding dengan kata kerja mu'tal.

2.2.4.1.2 Kata Kerja Empat Huruf (Rubaa'iyy)

Kata kerja empat huruf ialah kata kerja yang terbentuk daripada empat huruf. Dalam kategori ini pula ia hanya mempunyai satu bab sahaja iaitu **يَفْعِلُ - فَعِلَّ** contoh perkataan lain ialah: **يُطْمَئِنُ - طَمَانٌ** (*menggolekkan*) **يُدْخِرُجُ - دَخْرَجَ** (*menenangkan*).

Sementara itu terdapat juga kata kerja yang telah diakronimkan oleh orang Arab. Ia dihafal dan bukan dijadikan qias (analogi) dalam bahasa Arab. Contohnya **بَسْمَلَ** untuk

قَالَ لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ untuk **حَوْقَلَ** (*Dia mengucapkan dengan nama Allah*),

إِلَّا بِسْمِ اللَّهِ (*Dia mengucapkan tiada daya dan kuasa melainkan dengan izin Allah*) dan

قَالَ أَطَالَ اللَّهُ بَقَاعَكَ طَلْبَتِكَ untuk **طَلْبَتِكَ** (*Dia mengucapkan semoga Allah memanjangkan umur kamu*) (Ahmad al-Hamalaawiy tt:36).

2.2.4.2 Kata Kerja Berimbuhan (الفِعْلُ الْمَزِيدُ)

Kata kerja ini merupakan kata kerja yang menerima imbuhan. Imbuhan ini membawa kepada perubahan kepada makna dan mengkayakan perbendaharaan kata bahasa Arab. Kata kerja ini terbahagi kepada 2 bahagian iaitu (Ahmad al-Hamalaawiy tt:36-39):

2.2.4.2.1 Kata Kerja Berimbahan Tiga Huruf (الثلاحي المزید)

Bagi kata kerja berimbahan tiga huruf, ia terbahagi pula kepada 3 bahagian iaitu:

a) Penambahan satu huruf. Contohnya **فَعْل** (penggandaan huruf tengah), **فَاعْل**

(penambahan huruf alif di tempat kedua), **أَفْعَل** (penambahan hamzah di awal kata)

b) Penambahan dua huruf. Contohnya **تَفَاعِل** (penambahan huruf taa' di awal kata

dan huruf alif di tempat ketiga kata), **تَفَعْل** (penambahan huruf taa' di awal kata dan

penggandaan huruf 'ain), **أَفَعَل** (penambahan huruf alif di awal kata dan penggandaan

huruf laam di akhir kata), **أَفْتَعَل** (penambahan huruf alif di awal kata dan huruf taa' di

tempat ketiga kata), **الْفَعَل** (penambahan huruf alif di awal kata dan huruf nuun di

tempat kedua kata)

c) Penambahan tiga huruf. Contohnya **أَفْعَوَل** (penambahan huruf alif di awal kata,

huruf waaw di tempat keempat kata dan penggandaan huruf laam di akhir kata), **أَفْعَال**

(penambahan huruf alif di awal dan di tempat keempat kata dan penggandaan huruf

laam di akhir kata), **الْفَعُوْل** (penambahan huruf alif di awal kata, huruf waaw di tempat

keempat dan huruf 'ain di tempat kelima kata) dan **اسْتَفَعَل** (penambahan huruf alif di

awal kata, huruf siin di tempat ke kedua dan huruf taa' di tempat ketiga kata)

2.2.4.2.2 Kata Kerja Berimbahan Empat Huruf (السواعي المزید)

Kata kerja empat huruf berimbahan terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

a) Penambahan satu huruf. Bagi kategori ini ia mempunyai satu pola sahaja iaitu

تَفْعِلْ (penambahan huruf taa' di awal kata)

b) Penambahan dua huruf. Kategori ini pula mempunyai dua pola iaitu: فَعْلَلْ

(penambahan huruf alif di awal kata dan huruf nuun di tempat keempat kata) dan الفَعْلَلْ

(penambahan huruf alif di awal kata dan penggandaan huruf laam di akhir kata)

2.2.5 Dari Aspek Keadaan Huruf-huruf Asalnya

Kata kerja dari aspek ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu (Ahmad al-Hamalaawiy tt:27-28):

2.2.5.1 Kata Kerja Sahīḥ (الفِعل الصَّحِيح)

Ia adalah kata kerja di mana semua huruf asalnya terdiri daripada huruf konsonan.

Kata kerja ini terbahagi pula kepada tiga jenis iaitu:

2.2.5.1.1 Kata Kerja Sahīḥ Saalim (السَّالِم)

Kata kerja ini dinamakan sedemikian adalah kerana struktur kata kerja tersebut bebas dari huruf hamzah dan penggandaan huruf (التضييف). Contoh:

كَتَبَ (menulis), فَهِمَ (faham), سَجَدَ (sujud).

2.2.5.1.2 Kata Kerja Sahiih Muuzz (المُهُوَز)

Kata kerja ini mempunyai huruf hamzah dalam salah satu huruf asal yang membentuk kata kerja tersebut. Huruf hamzah mungkin terletak pada faa' (huruf pertama dalam struktur kata kerja dasar), 'ain (huruf kedua dalam struktur kata kerja dasar) atau laam (huruf ketiga dalam struktur kata kerja dasar) kata tersebut (فعل). Contoh:

- a) huruf hamzah pada faa' kata: أَخْذَ (ambil), أَكَلَ (makan)
- b) huruf hamzah pada 'ain kata: سَأَلَ (bertanya), رَأَسَ (mengetuai)
- c) huruf hamzah pada laam kata: قَرَأَ (membaca), بَدَأَ (bermula)

2.2.5.1.3 Kata Kerja Sahiih Muḍā‘af (المضعف)

Kata kerja ini dinamakan sedemikian kerana terdapat penggandaan huruf dalam struktur binaan perkataan tersebut. Kata kerja ini terbahagi pula kepada dua bahagian iaitu:

a) Muḍā‘af Tiga Huruf

Ia adalah perkataan di mana huruf 'ain menyerupai laamnya seperti contoh: مَدَدَ

(memanjangkan), وَدَدَ (suka). Asal perkataan tersebut ialah مَدَدَ وَدَدَ dan Jelas kepada

kita 'ain dan laam perkataan tersebut adalah sama iaitu huruf daal (ດ). Maka huruf daal yang pertama telah dimasukkan ke dalam daal yang kedua seterusnya diserapkan (ادغام).

b) Muḍā‘af Empat Huruf

Struktur binaan kata kerja ini terdiri daripada faa' dan laam kata yang pertama adalah dari jenis huruf yang sama manakala 'ain dan laam kata yang kedua pula, juga dari jenis huruf yang sama. Dalam kata lain, kata kerja ini mempunyai dua kali pengulangan huruf iaitu pada faa' kata dan laam kata yang pertama, dan 'ain kata dan laam kata yang kedua. Contoh: **بَرْجُونْجَلْ** (*bergoyang*), **وَسْنَسَ** (*was-was*). Pada perkataan **بَرْجُونْجَلْ**, faa' dan laamnya yang pertama adalah huruf **ج** manakala 'ain dan laamnya yang kedua adalah huruf **ل**. Sementara perkataan **وَسْنَسَ** pula, , faa' dan laamnya yang pertama adalah huruf **س** manakala 'ain dan laamnya yang kedua adalah huruf **س**.

2.2.5.2 Kata Kerja Mu'tal (الفِعْلُ الْمُعْتَلُ)

Kata kerja ini ialah kata kerja di mana huruf asalnya mengandungi huruf 'illah (الْيَلَهْ).

Huruf-huruf 'illah tersebut ialah alif (ا), waaw (و) dan yaa' (ي). Perlu ditegaskan di sini

bahawa yang dimaksudkan dengan kata kerja mu'tal tersebut ialah ia mempunyai huruf 'illah sebagai huruf asal dalam perkataan tersebut. Jadi kata kerja yang mempunyai penambahan huruf mengikut wazan (الفِعْلُ الْمَرْبُدُ) فَاعَلَ, فَاعُولَ, تَفَاعَلَ dan اَفْعَالُ, اَفْعَوْعَلُ.

tidaklah dianggap sebagai kata kerja mu'tal kerana huruf 'illah yang terdapat

dalam kata kerja tersebut adalah huruf penambahan (الْمَرْبُدُ).

Huruf-huruf 'illah ini mungkin terletak pada

- i) faa' kata kerja seperti يَبْسَ (menjadi kering) dan وَعَدَ (berjanji)
- ii) 'ain kata kerja seperti قَالَ (berkata) dan عَيْ (menjual)
- iii) laam kata kerja seperti دَعَا (berdoa/mengajak) dan رَضِيَ (rela hati)
- iv) faa' dan laam kata kerja seperti وَفَى (menunaikan)
- v) 'ain dan laam kata kerja seperti هَوَى (jatuh)

Jika diperhatikan, tidak terdapat kata kerja mu'tal bahasa Arab ini di mana faa'nya adalah alif. Ini adalah kerana huruf alif mestilah sentiasa berada dalam keadaan berbaris mati. Huruf berbaris mati tidak boleh terletak di permulaan sesuatu perkataan berbeza

dengan huruf waaw dan yaa' kerana keduanya boleh menerima baris. Jadi, huruf alif mestilah berada di tengah atau akhir perkataan.

2.2.5.2.1 Pembahagian Kata Kerja Mu'tal

Kata kerja mu'tal ini terbahagi kepada empat bahagian iaitu (Ahmad al-Hamalaawiiy tt:28)

a) Kata Kerja Mu'tal Mithaal (المثال)

Ia dinamakan sebagai mithaal apabila faa' kata kerja tersebut adalah huruf 'illah sama ada huruf waaw seperti وَعْدٌ (berjanji), وَزَنٌ (menimbang) وَرَدٌ (menyebut) atau huruf yaa' seperti يَسِّرٌ (mudah), يَنْسُى (putus asa) يَسِّى (kering)

Terdapat dua pendapat dalam menamakan kata kerja ini sebagai mithaal (Ahmad al-Hamalaawiiy tt:28). Pendapat yang pertama menyatakan bahawa ia dinamakan begitu kerana ia menyerupai kata kerja sahiih ketika dalam pola kata kerja kala lampau di mana faa'nya tidak di'illahkan atau huruf waaw tidak ditukarkan kepada huruf yaa' atau sebaliknya. Begitu juga kedua-dua huruf waaw dan yaa' tersebut tidak ditukarkan kepada huruf alif. Jadi hurufnya adalah sahiih. Pendapat ini adalah pendapat yang paling benar.

Pendapat kedua pula menyatakan bahawa, ia dinamakan sebegitu kerana menyerupai ajwaf ketika dibuangkan huruf 'illah apabila ditukar kepada pola kata kerja imperatif. Contohnya بَعْلَهُ (menjual) menjadi قَالَ (berkata) menjadi قُلْ (katakanlah) dan dikatakan juga وَرَدٌ (menyebut) menjadi رَدٌ (sebutlah) dan وَعْدٌ

(berjanji) menjadi **بَرْجَنِيلَه** (*berjanjilah*). Pendapat ini sebenarnya adalah lemah kerana persamaan tersebut hanya berlaku jika faa'nya waaw sahaja, jika faa'nya adalah yaa', ia tidak dibuang dalam kata kerja imperatif seperti **أَيْسَنْ** dan **أَيْسَنْ**. Jadi, pendapat ini ternyata mempunyai kelemahan yang ketara.

b) Kata Kerja Mu'tal Ajwaf (الأَجْوَفُ)

Kata kerja ini dinamakan sebagai ajwaf apabila 'ainnya adalah huruf 'illah. Contohnya

لَمْ (*tidur*), **سَامَ** (*tawar-menawar*), **قَالَ** (*berkata*)، **بَاعَ** (*menjual*)

Ia dinamakan sedemikian kerana huruf ditengahnya/rongganya (جَوْفٌ) bukan huruf sahiih. Ia menunjukkan seolah-olah ahli bahasa Arab tidak menganggap wujudnya huruf 'illah ini, maka mereka membayangkan kata kerja tersebut tidak mempunyai huruf ditengahnya. Ini jelas jika kata kerja ini disambungkan dengan ganti nama seperti **قُلْتُ** (*aku telah berkata*) dan **بِغْتَ** (*aku telah menjual*). Dari sini kita nampak dengan jelas bahawa huruf 'illah tersebut dibuang dari struktur perkataan tersebut.

c) Kata Kerja Mu'tal Naaqis (النَّاقِصُ)

Kata kerja ini dikategorikan sedemikian apabila laamnya adalah dari huruf 'illah seperti dalam contoh **دَعَّا** (*berdoa*), **قَضَى** (*memutuskan*), **رَضَى** (*redha*), **قَضُوا** (*menjadi* *qadi*). Penamaan ini menunjukkan bahawa ahli bahasa Arab tidak menganggap

kewujudan huruf 'illah ini dalam struktur perkataan tersebut dan mereka membayangkan bahawa kata kerja itu kekurangan (نافض) satu huruf di akhirnya.

Barangkali juga mereka menamakan sedemikian kerana kebanyakan keadaan dalam pentasifan, huruf 'illah tersebut dibuangkan seperti dalam contoh دعَتْ دُعَةٌ menjadi دُعَةٌ di mana huruf alifnya telah dibuangkan.

Kata kerja ini dianggap sebagai naaqiṣ tanpa mengira sama ada huruf 'illah tersebut adalah asli atau diterbalikkan dari huruf 'illah yang lain. Contoh

رَفِيْ (menaiki) adalah kata kerja mu'tal naaqiṣ di mana huruf 'illahnya (yaa') adalah asli.

حَظِيْ (beruntung) juga kata kerja mu'tal naaqiṣ walaupun huruf 'illahnya (yaa') adalah diterbalikkan dari huruf waaw. Ia jelas apabila melihat kepada kata terbitannya adalah حَظْرَةٌ

نَهَوْ (milarang) dianggap kata kerja mu'tal naaqiṣ sekalipun huruf waaw tersebut adalah yaa' yang diterbalikkan kerana kata nama yang diterbitkan dari kata kerja tersebut ialah نَهْيٌ (otak)¹ dan kata jamaknya ialah نَهَيْاً دَعَةٌ huruf akhirnya adalah alif yang diterbalikkan daripada huruf waaw.

فَصَى pula huruf akhirnya adalah alif yang diterbalikkan daripada huruf yaa'.

¹Maksudnya otak yang milarang daripada melakukan perkara yang tidak baik.

d) Kata Kerja Mu'tal Lafiif (لفیف)

Ia dinamakan sedemikian apabila kata kerja mu'tal tersebut mempunyai dua huruf 'illah. Kata kerja ini terbahagi pula kepada dua jenis iaitu kata kerja mu'tal lafiif mafruuq dan kata kerja mu'tal lafiif maqruuun.

i) Lafiif Mafruuq (لفیف مَفْرُوق)

Kata kerja ini dikategorikan sebagai lafiif mafruuq apabila faa' dan laam kepada kata kerja tersebut adalah dari huruf 'illah. Ia dinamakan sedemikian kerana huruf sahiih memisahkan antara dua huruf 'illah tersebut. Contohnya وَكَى (memelihara), وَكَى (lemah), وَعَى (sedar), وَلَى (menunaikan), وَلَيْ (menolong/menguasai).

ii) Lafiif Maqruuun (لفیف مَقْرُون)

Ia dikategorikan sebagai lafiif maqruuun apabila 'ain dan laam kata kerja tersebut adalah dari huruf 'illah dan dinamakan sedemikian kerana kedua-dua huruf ini tidak diselangi oleh huruf konsonan. Contohnya كَوَى (mensterika), طَوَى (melipat).

2.2.6 Dari Aspek Derivasi.

Dari aspek ini kata kerja terbahagi pula kepada dua bahagian iaitu:

2.2.6.1 Kata Kerja Cangga (الْفِعْلُ الْجَامِدُ)

Ia adalah kata kerja kekal dalam satu bentuk dalam semua keadaan (kedudukannya di dalam sesuatu ayat). Jadi, dari segi fungsinya ia menyerupai partikel iaitu bebas dari aspek yang menunjukkan masa dan peristiwa ('Aziizah Fawwaal 1992:jil.2/765)

Kata kerja ini didatangkan dalam 3 pola iaitu (Muṣṭafaa Ghalaayiniiy 1992: Jil.1/56):

- Pola kata kerja kala lampau.

Jadual 2

Kata Kerja Cangga Yang Berbentuk Kata Kerja Kala Lampau

Perkataan	Contoh ayat
ليُسَّ (bukan)	ليُسَّ عَلَيْ لِصٌ (Ali bukan seorang pencuri)
غَسِيَ (mudah-mudahan)	غَسِيَ رَبُّكُمْ أَن يُكَفَّرَ عَنْكُمْ سَيَّئَاتُكُمْ (Mudah-mudahan Tuhan kamu akan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu) (Surah al-Tahriim:8)
لِغَمْ (sebaik-baik)	وَهَبَنَا لِدَاؤُودَ سُلَيْمَانَ لِغَمَ الْعَبْدُ إِلَهُ أَوَّابٌ (Dan kami telah kurniakan kepada Nabi Daud (seorang anak bernama) Sulaiman, ia adalah sebaik-baik hamba (yang kuat beribadat), lagi sentiasa rujuk kembali (bertaubat) (Surah Saad:30)
بِشْ (seburuk-buruk)	بِشْ الرَّفِدُ الْمَرْفُدُ (Sebenarnya) lakin itu adalah seburuk-buruk pemberian yang diberikan)
قَلْ (sedikit) Ia digunakan untuk menidakkann sesuatu	قَلْ رَجُلٌ يَفْعَلُ ذَلِكَ (Sedikit/tidaklah lelaki yang melakukannya)

سُقْطَةٌ ² (menyesal)	وَلَمَّا سُقْطَ فِي أَيْدِيهِمْ
	(Dan setelah mereka menyesal (atas apa yang mereka lakukan) (Surah al-A'raaf:149)
هَذَهُ (mencukupi)	هَذَا رَجُلٌ هَذُكَ مِنْ رَجُلٍ (Lelaki ini sudah mencukupi bagi kamu)

ii. Pola kata kerja kala kini/depan.

Jadual 3

Kata Kerja Cangga Yang Berbentuk Kata Kerja Kala Kini/Depan

Perkataan	Ayat
يَهْنِطُ (memekik)	مَا زَالَ مُنْذُ الْيَوْمِ يَهْنِطُ هَنِطْ (Semenjak hari ini dia memekik)

² Seperti dalam ayat **سُقْطَةٌ** yang bermaksud menyesal. Ia kekal dalam pola kata kerja kala lampau pasif.

iii. Pola kata kerja imperatif.

Jadual 4

Kata Kerja Cangga Yang Berbentuk Kata Kerja Imperatif

Perkataan	Ayat
هَبْ (berikanlah/kurniakanlah)	رَبِّ هَبْ لِي مِنَ الصَّالِحِينَ (Surah al-Saaffaat:100) (Wahai Tuhanku, kurniakan kepadaku anak-anak dari kalangan orang-orang yang salih)
هَاتِ (bawakan/datangkan)	هَاتِ الْكِتَابَ يَا أَخْمَدَ (Bawakan buku,wahai Ahmad)
تَعَالَ (marilah)	فُلْ تَعَالُوا أَقْلُ مَا حَرَمَ رَبُّكُمْ عَلَيْكُمْ (Katakanlah: "Marilah supaya aku bacakan apa yang telah diharamkan oleh Tuhan kamu kepada kamu) (Surah al-An'aam:151)
هَلَّمْ (marilah) dalam bahasa Tamiim	فُلْ هَلَّمْ شُهَدَاءَ كُمْ (Surah al-An'aam:150) (Katakanlah: "Bawalah saksi-saksi kamu...")

Kata kerja ini telah terkeluar dari fungsi asal kata kerja iaitu menunjukkan kepada masa dan peristiwa. Justeru, ia dikatakan menyerupai partikel, yang tidak mempunyai unsur masa dan peristiwa serta ia kekal dalam bentuknya yang satu.

Selain daripada itu, kata kerja ta'ajjub (التعجب), pujian dan celaan juga tergolong dari kata kerja cangga ini.

2.2.6.2 Kata Kerja Mutaşarrif (الفِعْلُ الْمُتَصَرِّفُ)

Kata kerja ini ialah kata kerja yang tidak kekal binaannya dengan satu bentuk sahaja. Jelasnya, ia adalah kata kerja yang boleh bertukar bentuk kepada kata kerja kala lampau, kala kini/kelak dan kata kerja suruh (Raajii al-Asmar 1993:324).

Contoh kata kerja mutaşarrif ini ialah:

Kata kerja kala lampau	Kata kerja kala kini/depan	Kata kerja imperatif
كتَبَ (telah menulis)	يَكْتُبُ (sedang menulis)	أَكْتُبْ (tulislah)

Adalah amat sedikit kata kerja dalam bahasa Arab yang tidak tergolong di dalam kata kerja mutaşarrif ini.

2.2.7 Dari Aspek Kesempurnaan Dan Kekurangan

Dari aspek ini, ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

2.2.7.1 Kata Kerja Taamm (الفِعْلُ التَّامُّ)

Kata kerja taamm ialah kata kerja yang memadai dengan kata nama marfu 'nya sahaja bagi membawa makna asas dalam sesuatu ayat. Dalam kata lain, kata kerja yang merafa'kan pelaku. Contohnya تَامَ الطَّفْلُ (kanak-kanak itu tidur). Kata kerja تَامَ di sini adalah kata kerja taamm kerana ia telah membawa makna asas kepada ayat apabila

ia digabungkan dengan perkataan **الظُّلْم** yang berada di bawah kasus marfuu' iaitu pelaku.

2.2.7.2 Kata Kerja Naaqis (الفعل الناقص)

Ia adalah kata kerja yang memerlukan subjek dan predikat bagi membentuk ayat. Kata kerja jenis ini dikenali juga dengan nama kata kerja naasikh (الناسخ). Apabila ia di

masukkan ke dalam subjek dan predikat, ia akan menominatifkan (marfuu') subjek yang dikenali sebagai kata namanya dan mengakusatifikan (mansuub) predikat yang dinamakan sebagai predikat kata kerja tersebut ('Aziizah Fawwaal 1992;jil. 2/780)

Ia dinamakan sedemikian adalah kerana ia tidak dapat membawa makna yang sempurna dengan hanya menyebut kata kerja tersebut dan kata namanya sahaja bahkan ia mesti disebutkan sekali dengan predikatnya. Contohnya ialah:

كَانَ مُحَمَّدٌ ذِكِيرًا (Adalah Muhammad cerdik)

Khabar (predikat)	Isim (kata nama)	Kata kerja naaqis
ذِكِيرًا	مُحَمَّدٌ	كَانَ

Asal kepada ayat di atas sebelum di masukkan kata kerja naaqis ini ialah **مُحَمَّدٌ ذِكِيرًا** (*Muhammad cerdik*) di mana subjek ayat tersebut iaitu dalam

keadaan kasus akusatif dan predikatnya **ذِكِيرًا** juga akusatif. Tetapi apabila ditambah

kata kerja naaqis, subjek ayat tersebut telah berubah menjadi kata nama kat-

tersebut, masih dalam keadaan akusatif, manakala predikat ayat tersebut telah bertukar menjadi predikat kepada kata kerja tersebut di mana hukumnya telah bertukar kepada nominatif.

Daripada contoh di atas, jelas kepada kita bahawa ayat tersebut mestilah disebutkan kata nama yang nominatif selepas kata kerja *naaqiṣ* itu kerana jika dibuang ia tidak memberikan apa-apa makna yang difahami contohnya **كَانَ مُحَمَّدٌ** (*Adalah Muhammad*).

Selain itu juga ia dinamakan sebagai kata kerja *naaqiṣ* adalah kerana keadaannya yang hanya menunjukkan kepada masa sahaja dan tidak kepada perlakuan berbanding dengan kata kerja *taamm*.

2.3 Kesimpulan

Secara ringkasnya dapatlah disimpulkan di sini bahawa kata kerja dalam bahasa Arab ini mempunyai bahagian-bahagiannya yang tersendiri. Ia berdasarkan kepada berbagai aspek. Setiap aspeknya mempunyai perbincangan yang panjang lebar bagi memastikan kesahihan penggunaannya. Masih terlalu banyak ruang kosong yang boleh dipenuhi dengan kajian-kajian terperinci oleh pengkaji-pengkaji bagi menerokai khazanah ilmu yang terdapat dalam bahasa Arab ini.

Satu-satu kata kerja dalam bahasa Arab ini boleh tergolong dalam beberapa bahagian dalam satu-satu masa di mana ia bergantung kepada aspek yang dibincangkan. Contohnya bagi kata kerja kala lampau, kata kerja kala kini/depan dan kata kerja suruh yang boleh dibincang dalam hampir keseluruhan aspek di atas. Dalam kata lain sesuatu kata kerja itu boleh dikaitkan dengan banyak aspek mengikut perspektif yang hendak dibincangkan.

Bab seterusnya akan membincangkan tentang derivasi kata kerja mu'tal di mana ia adalah tajuk utama kepada kajian dalam disertasi ini.